

Kuartet wanita perbaharui rekod

UTUSAN MALAYSIA

10/7/2017 p. 36

Oleh ZAZALI JAMIAN

sukan@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 9 JULAI

KUARTET 4x100 meter (m) wanita negara sekali lagi memperbaharui rekod kebangsaan dengan catatan 45.18 saat dalam saingan akhir Kejohanan Olahraga Asia di Bhubaneswar, India, hari ini, sekali gus mampu menjadi pencabar utama Thailand dalam merebut pingat emas Sukan SEA 2017.

NURUL FAIZAH ASMA MAZLAN menggantikan Shereen Samson Vellabouy.

Catatan 45.18s dilakukan menerusi rangkaian pelari Nurul Faizah Asma Mazlan, Siti Fatimah Mohamad, S. Komalam Shally dan Zaidatul Husniah Zulkifli itu melebur rekod lama kebangsaan 45.19 saat yang dilakukan pada Kejohanan Olahraga Terbuka Thailand, bulan lepas.

Nurul Faizah adalah pelari pertama menggantikan Shereen Samson Vellabouy yang tidak dapat menyertai kejohanan di India kerana mengalami kecederaan.

Bagaimanapun, catatan rekod baru itu sekadar membolehkan kuartet negara menamatkan saingan 4x100m wanita di tempat kelima tewas kepada Thailand yang meraih tempat keempat dengan

perbezaan masa 0.44s manakala pingat emas menjadi milik Kazakhstan (43.53s), perak milik China (44.50s) dan India sekadar meraih gangsa (44.57s).

Ketua jurulatih olahraga negara, Zainal Abas berkata, prestasi yang telah dipamerkan oleh kuartet wanita negara adalah sesuatu yang menggembirakan berikutnya dapat memperbaharui rekod kebangsaan dua kali dalam tempoh sebulan.

"Tahniah kepada mereka bila arpun berlari dengan pelari pertama yang berbeza namun tetap berupaya membuktikan dapat berlari dengan pantas lagi.

"Namun perhatian wajar diberikan kepada pasukan Thailand yang menamatkan larian dengan cata-

tan masa di bawah 45s sewaktu kejohanan di India," kata Zainal.

Sementara itu, dalam saingan 4x100m lelaki menyaksikan kuartet negara yang ditarik Nixon Kennedy, Jonathan Nyepa, Badrul Hisyam Abdul Manap dan Khairul Hafiz Jantan mencatat masa 39.98s di tempat kelima.

Pingat emas 4x100m lelaki ditentukan menerusi rakaman foto yang memihak China dengan catatan 39.38s, Thailand meraih pingat perak (39.38s) manakala Hong Kong sekadar memperoleh gangsa (39.53s).

Rekod kebangsaan 4x100m lelaki masih kekal dengan catatan 39.67s dilakukan pada Sukan SEA 2015 di Singapura.



MANTAP... Gandingan mantap pelari negara, dari kanan Siti Fatimah Mohamad, S. Komalam Shally dan Zaidatul Husniah Zulkifli berjaya memperbaharui rekod kebangsaan dalam Kejohanan Olahraga Asia di Bhubaneswar, India, semalam.